

PERUTUSAN YB MENTERI



**Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Malaysia MADANI,**

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atas pencapaian dan kejayaan yang dicipta sepanjang tahun 2023 ini.

Gagasan Malaysia MADANI, seperti mana yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sentiasa menekankan nilai-nilai yang selari dengan prinsip ketelusan korporat. Dengan memberi penekanan kepada keterangkuman, integriti, dan akauntabiliti, gagasan ini menitikberatkan kerangka kerja yang dapat mendorong perubahan positif dalam tadbir urus dan amalan korporat. Apabila komuniti perniagaan dan korporat Malaysia mampu menghayati konsep ini, ia akan memupuk ketelusan korporat dan memperkuuh kepercayaan di kalangan pihak berkepentingan, seterusnya menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang lebih telus dan bertanggungjawab adalah berkesan dan mampan.

Pada tahun 2023, di tengah landskap ekonomi yang sentiasa berubah, selain ketidakpastian global serta cabaran domestik, kepentingan kerangka etika seperti ini menjadi semakin jelas. Penerapan prinsip MADANI adalah tepat pada masanya, kerana ia dapat membimbing perniagaan melalui kompleksiti ini. SSM telah menunjukkan ketahanan dan kebolehsuaian yang terpuji dalam memenuhi peranan pentingnya dalam mengawal dan memudahkan amalan perniagaan di negara kita, memastikan bahawa peralihan kepada persekitaran perniagaan yang lebih telus dan bertanggungjawab adalah berkesan dan mampan.

PERUTUSAN YB MENTERI

Tahun ini, SSM terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Melalui usaha memperbaiki rangka kerja peraturan, meningkatkan ketelusan dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, SSM bukan sahaja memperkuuh integriti sektor korporat, tetapi juga memperkasakan perniagaan untuk berkembang maju dalam pasaran global yang kompetitif.

“

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh SSM pada tahun 2023, merangkumi kemajuan dalam pendigitalan, penstrukturkan semula proses dan pelaksanaan dasar-dasar progresif, telah menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan operasi perniagaan. Usaha ini selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mempromosikan kestabilan ekonomi, mengurangkan kos sara hidup dan memastikan persekitaran perniagaan kekal aktif dan inklusif. Ketika kita menilai pencapaian tahun lalu, adalah penting untuk mengiktiraf usaha kerjasama antara SSM, komuniti perniagaan dan pihak berkepentingan lain. Melalui kebersamaan ini, kita telah mencapai kemajuan dalam meningkatkan tadbir urus korporat, melindungi kepentingan pengguna dan memupuk semangat keusahawanan untuk pertumbuhan mampan Malaysia.

”

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup terus komited untuk menyokong SSM dalam misi berterusannya untuk memacu inovasi, mengekalkan piawaian pengawalseliaan dan memenuhi aspirasi perniagaan di Malaysia. Kementerian juga akan terus bekerjasama dengan SSM untuk menangani cabaran baharu dan memanfaatkan peluang yang ada demi manfaat negara dan rakyat kita.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada seluruh kepimpinan dan warga kerja SSM atas dedikasi serta kesungguhan yang diberikan. Sumbangan anda memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran perniagaan yang stabil dan dinamik yang akan membawa Malaysia ke arah masa depan yang lebih makmur.

Terima kasih.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup